



FOKUS CENDEKIAWAN

WADAH BERKUALITI MENJANA KECEMERLANGAN

Bil 1/2008

KIK PERPUSTAKAAN Tahniah Kumpulan ILMU 2007

Kesungguhan dan semangat berpasukan yang tinggi dari semua ahli Kumpulan ILMU 2007 perpustakaan di dalam menyelesaikan masalah kerja telah membawa hasilnya di mana projek sulung kumpulan iaitu 'Penampalan Label Buku Yang Tidak Menepati Standard' telah memenangi beberapa anugerah di Mini Konvensyen UiTM Terengganu pada 4-5hb Mei 2007, di Hotel UiTM Terengganu iaitu :

- Naib Johan Mini Konvensyen KIK UiTM
- Dokumentasi Terbaik
- Projek KIK Paling Inovatif Dan Kreatif



'Spine Label Gadget'

berfungsi untuk memudahkan kerja penampalan label bagi bahan-bahan yang mempunyai tulang belakang (spine). Penggunaan alat ini berjaya menjadikan kerja-kerja menampal label bahan menjadi lebih mudah dan tepat kerana alat berfungsi 3 dalam 1 iaitu alat mampu memegang bahan, menstabilkan kedudukan bahan serta boleh mengukur kedudukan label dengan tepat di mana ketiga-tiga aktiviti ini dapat dilakukan di dalam satu masa.

Keberkesanannya alat ini terbukti berjaya meningkatkan produktiviti kerja dengan kesilapan ditahap sifar. Penggunaan alat ini juga telah memberi keselesaan dan kemudahan kepada staf untuk menjalankan tugas dengan imej kerja yang lebih profesional.

Bagi melindungi hasil intelek ini, permohonan telah dikemukakan kepada pihak IRDC (Institute of Research, Development &

Commercialisation) UiTM Shah Alam bagi menguruskan pendaftaran paten produk. Diharap alat yang dihasilkan ini menjadi perintis dan dorongan kepada semua staf untuk mencari pelbagai kaedah dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif di dalam perlaksanaan tugas bagi tujuan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan jabatan kepada pelanggan.



Kejayaan Kumpulan ILMU

Hasil Inovasi Kumpulan ILMU



Sidang Pengarang

Penaung :
YM Prof Madya Tg Yusof Tg Mahmud

Penasihat :
Puan Anuar Bt Awang

Ketua Pengarang :
Selamah Md. Yunos

Pengarang:
Rahamah Abdul Ghafar
Asmah Sabtu
Nurul Aida Noor Azizi


Reka bentuk & Grafik:
Nurul Aida Noor Azizi
Widawati Ariffin
Zainal Abidin Abdul Aziz

Penyunting:
Rahamah Abdul Ghafar
Nurul Aida Noor Azizi (Grafik)

Pentadbiran/Promosi:
Rosidah Mohamad
Rohaida Yusof
Nor Azrina Hasbullah

DARI MEJA TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN

Assalamualaikum wbt
dan salam sejahtera



Alhamdullillah, bersyukur kita ke hadrat Allah swt kerana dengan izin dan limpah kurnianya, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Terengganu dapat mengeluarkan buletin Fokus @ Cendekiawan bil. 1/2008.

Selamat melangkah ke tahun 2008 dengan harapan warga Perpustakaan Cendekiawan dapat meningkatkan lagi budaya kualiti untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dan gemilang terutama dalam menghayati dan mengamal konsep kerja yang mengutamakan amalan terbaik, bukan sahaja dalam mengendalikan tugas tetapi juga dalam perhubungan dengan pelanggan dan rakan sekerja.

Perpustakaan Cendekiawan akan terus berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang secara berterusan kepada pelanggannya.

Kepada pelajar baru sesi Disember 2007/2008 Perpustakaan Cendekiawan mengucapkan selamat datang dan selamat menempuh cabaran sebagai mahasiswa yang berwawasan dan berkualiti.

Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Penerbitan Perpustakaan Cendekiawan UiTM Terengganu dengan penerbitan buletin ini.

Memupuk Budaya Kualiti Staf Perpustakaan

Oleh Rahamah Abdul Ghafar

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak pengurusan kampus bagi memupuk budaya kualiti kepada warga kampus UiTMT. Bahagian Perpustakaan juga tidak ketinggalan dalam memberi penekanan ke atas usaha memupuk budaya kerja cemerlang di kalangan staf perpustakaan.

Sebagai tanda penghargaan kepada staf yang telah memberi komitmen yang tinggi mulai tahun 2007, Perpustakaan telah mengadakan 'Anugerah Khidmat Cemerlang' di kalangan stafnya. Tumpuan lebih diberi kepada staf sokongan, memandangkan anugerah ini berupa satu motivasi untuk mereka. Melalui aktiviti seumpama ini Perpustakaan berharap staf akan lebih peka dan bersungguh-sungguh untuk memahami, menghayati dan beristiqamah di dalam mempraktikkan amalan-amalan terbaik berhubung dengan tugas dan persekitaran mereka.

Di dalam konteks pemilihan staf cemerlang, staf telah dinilai oleh rakan setugas dan semua pegawai. Pemarkahan sebanyak 50% diambilkira daripada pencalonan dan penilaian rakan setugas dan baki 50% adalah penilaian daripada pegawai.

Pemilihan dan penilaian telah diadakan dari Januari hingga September 2007. Pada 15hb. November, Perpustakaan telah mengadakan Mesyuarat Staf kali kedua bagi tahun 2007 beserta dengan Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri. Turut diadakan pada hari tersebut ialah penganugerahan Staf Cemerlang dan Anugerah 5S - Meja Terbaik. Encik Abdul Halim Abdullah berjawatan Pembantu Perpustakaan telah berjaya mendapat pencalonan terbanyak dan penilaian tertinggi daripada kalangan rakan setugas dan semua pegawai dan dengan itu melayakkan beliau menerima 'Anugerah Staf Cemerlang 2007' manakala Puan

Kamariah Ahmad, Pembantu Tadbir Perkeranian telah menerima 'Anugerah 5S - Meja Terbaik' di atas kejayaan beliau melaksanakan amalan 5S secara konsisten.

Anugerah Khidmat Cemerlang Staf Perpustakaan dan Anugerah 5S-Meja Terbaik akan tetap dilaksanakan pada setiap tahun dan dijadikan sebagai aktiviti tahunan Bahagian Perpustakaan.



Puan Kamariah Ahmad
Pemenang Anugerah 5S-Meja Terbaik



En. Abdul Halim Abdullah
Pemenang Anugerah Staf Cemerlang Perpustakaan 2007

Bengkel Etika Sosial Dan Penampilan Diri

Oleh Norsyidah Yusoff Ali

Teras perkhidmatan berkualiti bukan sahaja tertumpu kepada soal pengetahuan dan kepakaran malah penampilan diri juga perlu di beri perhatian dalam mempamerkan imej yang boleh dihormati dan disegani serta meningkatkan keyakinan diri pekerja. Sebagai usaha untuk meningkatkan motivasi dan tahap pengetahuan tentang aspek penampilan diri, Perpustakaan Cendekiawan telah menganjurkan Bengkel Etika Sosial dan Penampilan Diri khusus untuk staf perpustakaan dan turut dijemput adalah staf dari lain-lain bahagian untuk menyertainya. Bengkel ini telah diadakan pada 17 Mei 2007, bertempat di Dewan Jasmin pada sesi pagi dan di Dewan Sri Gadung, Hotel UiTMT pada sesi petang. Bengkel bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dengan jumlah penyertaan staf seramai 40 orang.

Tiga penceramah dari kalangan pensyarah UiTMT telah dijemput bagi menjayakan bengkel ini. Penceramah yang tidak asing lagi dan dikenali ramai iaitu PM Hj.Md.Izzuddin Ali telah menyampaikan ceramah motivasinya bertajuk 'Ahli Digarap Organisasi Dimantap!'. PM.Dr.Hj.Farok Zakaria adalah penceramah kedua dan beliau lebih memberi penekanan kepada aspek 'Personaliti Dan Imej Diri' manakala penceramah ketiga iaitu En.Mohamed Muneer Samsudin menyampaikan ceramah serta panduan berkaitan dengan 'Table Etiquette.'

Setiap sesi ceramah mengambil masa dua jam. Di sepanjang tempoh tersebut penceramah berjaya menarik perhatian semua peserta melalui teknik penyampaian mereka yang bersahaja dan tidak membosankan. Maklumat yang disampaikan dapat menyuntik semangat staf untuk berkhidmat dengan lebih tekun, dedikasi dan meningkatkan tahap keyakinan diri.

Melalui bengkel ini dapatlah dirumuskan bahawa pengetahuan dan kemahiran berkaitan etika sosial merupakan satu aspek penting yang perlu diberi perhatian supaya ia dapat membina kepercayaan masyarakat atau pelanggan terhadap pekerja. Secara tidak langsung ia dapat membantu melahirkan pekerja yang dinamik dan seterusnya meningkatkan imej universiti.

'Jangan membaca hanya untuk mengetahui tetapi untuk difahami. Bukannya kurang pengetahuan tetapi prasangka kalah yang paling menghambat kemajuan'
-Budiman-

Pengurusan Perpustakaan Awam Bandar Al-Muktafi Billah Shah

Oleh Rahamah Abdul Ghafar

Tahun 2005 telah menyaksikan penglibatan secara langsung Perpustakaan Cendekiawan dengan komuniti luar di mana perpustakaan telah diberi tanggungjawab oleh pihak pengurusan UiTM membantu pihak KETENGAH mengendalikan perpustakaan milik KETENGAH di Bandar Al-Muktafi Billah Shah (AMBS). Usahasama ini dilakukan berikutan persetujuan pihak pengurusan KETENGAH memberi penempatan kepada pelajar UiTMT dari program Pra-Perdagangan di Kolej Komuniti KETENGAH yang terletak di Bandar Al-Muktafi Billah Shah.

Perpustakaan UiTMT mula terlibat secara langsung dengan pengurusan Perpustakaan Awam AMBS pada Oktober 2005. Penyesuaian pengurusan terpaksa dilakukan kerana perpustakaan ini bukan sahaja bertanggungjawab memberi perkhidmatan untuk pelajar-pelajar Kolej Komuniti KETENGAH dan pelajar UiTMT (Pra-Perdagangan) malah perkhidmatan turut dibuka kepada pihak awam di mana peranannya lebih menjurus kepada satu khidmat sosial untuk masyarakat di wilayah KETENGAH.



Perpustakaan Awam AMBS

PERISTIWA PENTING & AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2006



Sekitar Majlis Perasmian Perpustakaan Awam AMBS
19 Februari 2006



Statistik keahlian dan koleksi yang telah berjaya di uruskan selepas dua tahun Perpustakaan Awam AMBS beroperasi

Perkara	Jumlah (sehingga Disember 2007)
Koleksi	16,496 naskah
Keahlian	1099 orang 583 (Dewasa) & 516 (Kanak-kanak)

Program Panduan Melanjutkan Pengajian Ke Ipt

24 Jun 2006

Melibatkan Pelajar Sek. Men. Keb. Durian Mas. Aktiviti ini dijalankan dengan usahasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Unit Bimbingan & Nasihat (pihak kaunselor) & Jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar UiTMT.



Berkongsi ilmu & pengalaman bersama MPP




Mendengar taklimat daripada Kaunselor



"Bacalah untuk meningkatkan pengetahuan, latarbelakang, kepekaan serta pengamatan anda"
-Lord Byron-

Program Kemahiran Maklumat - 24 Jun 2006



Panduan Teknik Pencarian Maklumat Bersama Pustakawan

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2007

TARIKH	AKTIVITI
09/01/07	Mesyuarat di antara pihak pengurusan Perpustakaan Cendekiawan dengan Wakil Pengurusan KETENGAH berkaitan dengan Visi, Misi & Objektif Perpustakaan Awam AMBS
03/03/07	Program Kanak-kanak di Perpustakaan AMBS -Aktiviti Mari Bercerita & Origami (136 kanak-kanak hadir bersama keluarga (15 orang ibu-bapa)
07/07/07	Program Khidmat Komuniti Bersama Perpustakaan -Slot Keusahawanan (Remaja/Dewasa) 55 orang usahawan di sekitar Bandar Al-Muktaffi Billah Shah mengikuti slot ini. -Penjagaan Kesihatan bersama Unit Kesihatan UiTMT -Pameran Keusahawanan & Kesihatan
14/07/07	Program Kanak-kanak & Remaja di Perpustakaan AMBS -'Puppet Show' -Penyampaian Hadiah Peminjam Buku Paling Aktif & Pemenang Pertandingan Menulis Cerpen Pendek

Bagaimana Menilai Sumber Maklumat Berkualiti

Oleh Selamah Md Yunos

Ledakan maklumat berlaku pada setiap hari. Berjuta-juta maklumat diproses dan dikeluarkan pada setiap minit di merata dunia. Hasil dari ledakan maklumat ini menjadikan teknologi maklumat sangat penting bagi manusia di dalam usaha mengumpul maklumat dengan tepat, memproses data dengan cekap dan menghantar maklumat dengan cepat.

Pengguna mempunyai pelbagai pilihan untuk mendapatkan maklumat samada secara berbayar atau percuma. Maklumat-maklumat ini boleh diperolehi dari pelbagai bentuk dan pengaksesan seperti Jurnal, Laporan, Kertas Kerja, Paten, Standard / Piawaian, Tesis/Disertasi, Katalog Perdagangan, Ensiklopedia, Kamus, Tesaurus, Atlas, Gazetiar, Buku Tahunan, Almanak, Indeks, Abstrak, Bibliografi, Ulasan/Resensi, Direktori, Biografi, Buku Panduan /Manual, Pangkalan Data Dalam Talian, Internet, CD-ROM dan lain-lain lagi.

Bagi mendapatkan maklumat yang berkualiti, pengguna perlu terlebih dahulu mengenalpasti sumber-sumber maklumat yang hendak digunakan dan juga menguasai kemahiran menggunakan sumber maklumat dengan betul. Kemahiran ini boleh diperolehi samada melalui pembelajaran, pembacaan dan bantuan daripada Pustakawan kerana setiap sumber maklumat yang dinyatakan di atas mempunyai kelebihan dan kelemahan dari segi fizikal, tenaga, harga serta cara menggunakanannya. Pengguna disyorkan mempelajari strategi pencarian maklumat yang betul dengan menggunakan enjin pencarian

berteknologi tinggi bagi memudahkan pengesanan dan pemilihan maklumat dengan lebih cekap, cepat dan berkesan.

Kemahiran menilai, menganalisa dan memeriksa maklumat juga sangat penting kerana ia merupakan proses menentukan sama ada sesuatu maklumat/fakta yang diperolehi itu berguna atau tidak di dalam membantu pengguna membuat perbandingan maklumat yang terbaik menerusi bahan bacaan atau rujukan yang ditemui. Sebagai panduan, berikut adalah faktor-faktor yang perlu diambil kira sewaktu membuat penilaian maklumat:

1. Bezaan ayat-ayat yang digunakan samada pendapat atau fakta.

2. Sekiranya penulis memberi asas rujukan bagi menjelaskan penemuan mereka, pastikan punca-punca sumbernya boleh dipercayai.

3. Autoriti (Authority)

Hanya maklumat-maklumat yang diperolehi daripada sumber yang berautoriti sahaja boleh diterima kesihihan dan kebolehpercayaannya dengan menyelidik :

- Siapa penulisnya ?
- Dari manakah dia memperolehi sumber?
- Apakah isu yang dibincangkan dan adakah ini merupakan bidangnya ?
- Apakah sumber rujukannya ?
- Adakah maklumat itu dituliskan oleh penulis sendiri atau cedokkan daripada sumber lain?

4. Ketepatan Maklumat

Maklumat yang disampaikan mesti tepat samada melalui perangkaan atau statistik yang diperolehi daripada kajian

atau penyelidikan yang djalankan.

5. Nilai Semasa (Currency)

Maklumat adalah kemaskini (up to date). Di antara perkara yang perlu diperhatikan ialah tarikh terbitan / tarikh pengumpulan maklumat / edisi yang ke berapa ?

6. Lengkap dan Jelas (Coverage)

Maklumat-maklumat yang diberikan, hendaklah menunjukkan satu gambaran yang jelas dan lengkap mengenai sesuatu perkara meliputi semua bidang yang berkaitan termasuklah mengenai maklumat-maklumat tambahan dan paling penting sekali fakta yang diberikan hendaklah sentiasa konsisten.

Bagi memastikan data dan fakta yang dipersembahkan adalah boleh dipercayai, betul dan tepat, pengguna yang beretika seharusnya meletakan sumber rujukan maklumat yang diperolehi sebagai menghormati perundangan serta mengiktiraf harta intelek penulis asal yang menjadi rujukan.

Terdapat pelbagai kaedah penulisan piawaian pengiktirafan atau 'citation style' yang digunakan antaranya ialah MLA (Modern Language Association), APA (American Psychological Association), CMS (Chicago Manual of Style), CSE (Council of Science Editors) dan COS (Columbia Guide to Online Style). Berikut adalah format piawaian pengiktirafan yang digunakan antara MLA dan APA dengan perbezaan penulisannya.

Bentuk Bahan	MLA (Modern Language Association)	APA(American Psychological Association)
Buku (1 orang pengarang)	Didion, Joan. Salvador. New York: Simon, 2007	Didion, Joan. (2007) Salvador. New York: Simon.
Buku (1 pengarang & ada penyunting)	Bronte, E., and R. J. Dunn, eds. Wuthering Height (R. J. Dunn, ed.). New York: Norton, 2006	Bronte, E. (2006). Wuthering Height (R. J. Dunn, ed.). New York: Norton
Artikel Majalah	Lewis, Ricki. "Business, Pleasure and Personal." College English Mar-Apr.2007: 34-40	Lewis, Ricki. (2007, Mar-Apr). Business, Pleasure and Personal. College English , 34-40.
Artikel dari majalah atas talian	Didion, Joan. "The Day Was Hot and Still..." Kev. of Dutch: A Memoir of Ronald Reagan, by Edmund Morris. New York Review of Books 4 Nov. 1999. 6 June 2002 http://www.njrs.org/txtfile/172852.txt	Didion, Joan. (2002, June 6) The Day Was Hot and Still... Rev. of Dutch: A Memoir of Ronald Reagan, by Edmund Morris. New York Review of Books 4 Nov. 1999, from http://www.njrs.org/txtfile/172852.txt
Maklumat dari E-Mail	Thompson, Jim. "Bob Martin's Opinion." E-mail to June Cain. 11 Nov. 2007	Thompson, Jim (2007, Nov, 11) Bob Martin's Opinion. E-mail to June Cain, archived at http://www.njrs.org/txtfile/172852.txt
Maklumat dari CD-ROM	"Artificial Intelligence." Encarta 2003. CD-ROM. Redmond, WA: Microsoft, 2003	Artificial Intelligence. (2003). Encarta 2003 [CD]. Redmond, WA: Microsoft.
Suratkhabar	Faizatul Farlin Farush Khan. "Tak Takut Gagal Demi Kejayaan." Harian Metro 26 Ogos 2006, A38	Faizatul Farlin Farush Khan.(2006, 26 Ogos) Tak Takut Gagal Demi Kejayaan. Harian Metro, p. A38

Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa maklumat boleh diperolehi di mana-mana sahaja dalam pelbagai bentuk dan pengguna seharusnya pandai menilai maklumat yang diperolehi itu. Pelbagai kemahiran dan teknik pencarian perlu dikuasai oleh perngguna bagi mendapatkan maklumat yang berkualiti, terkini, cepat dan boleh dipercaya.

Sumber rujukan:

- 1.Troyka, Lynn Quitman & Hesse, Douglas. (2005) Simon & Schuster handbook for writers (7th ed.). New Jersey: Pearson/Printice Hall.
- 2.Lester, James D. & Lester, James (2002) Writing research papers: a complete guide (10 th ed). New Yorks: Pearson/Logman
- 3.Haag, Stephen & Cummings, Maeve (2008) Information systems essentials (2nd ed). Boston : McGraw Hill/Irwin

Staf Perpustakaan Cemerlang Dalam Kerja, Hebat Di Padang

Oleh Juhaida Jaafar

Selain melaksanakan tugas-tugas harian di Perpustakaan, staf perpustakaan Cendekiawan juga berkecenderungan melibatkan diri di dalam aktiviti sukan. Ini telah dibuktikan dengan bakat yang dipamerkan oleh dua orang staf perpustakaan iaitu En. Yusoff Abdullah dan Nik Ahmad Kamal Nik Wadi di dalam perlawanan akhir bola sepak Piala Dato'VC yang berlangsung pada 14 April 2007. Dalam perlawanan yang berlangsung di Stadium UiTM Shah Alam itu, UiTM Terengganu bertemu UiTM Shah Alam "B".

Menurut En. Yusof, sebelum perlawanan, pasukan telah menjalani latihan intensif selama 2 minggu. Sebelum ke perlawanan akhir, pasukan telah berjaya mara ke Pusingan Naib Johan Kumpulan dan diundi bersama pasukan Sabah dan Pahang untuk perlawanan seterusnya. Perlawanan pertama dengan Sabah, Terengganu telah menang 2-0. Pahang menjadi mangsa kedua Terengganu, dan dengan kemenangan ini telah melayakkan pasukan Terengganu ke separuh akhir bertemu pasukan



Sarawak. Kemenangan tersebut bererti tugas berat telah menanti pasukan Terengganu kerana Sarawak merupakan juara bertahan. Keazaman yang tinggi untuk memperbaiki pencapaian lepas yang hanya mendapat Naib Johan, telah memberi motivasi kepada pemain untuk bermain dengan penuh semangat dan usaha gigih pemain berbaloi apabila berjaya menundukkan Sarawak 1-0.

Syukur ke hadrat Illahi dalam perlawanan akhir itu, berbekalkan semangat yang kental dan usaha

yang gigih, pasukan Terengganu berjaya mengatasi pasukan Shah Alam "B" 3-1 (penalti) setelah terikat pada masa perlawanan sebenar. Hasil daripada kemenangan ini, pasukan telah diberi hadiah Piala Pusingan Dato'VC dan setiap pemain mendapat medal.

Perpustakaan Cendekiawan merasa amat bangga dengan penglibatan staf di dalam pertandingan ini. Syabas diucapkan kepada semua pemain kerana telah menaikkan lagi martabat UiTM Terengganu.

5S Sana Sini

Oleh Nor Azrina Hasbullah dan Rohaida Yusof

Kesibukan dan masa yang terhad bukanlah alasan untuk kita mengabaikan tanggungjawab dalam menjaga prasarana sesebuah pejabat. 5S merupakan satu amalan positif yang patut di semai oleh semua staf bak kata pepatah "selagi ada kemahanuan di situ ada jalan".

"Tempat kerja di ibaratkan rumah kedua, kerana itulah kami inginkan perpustakaan sentiasa tersusun dan menarik supaya staf dan pelanggan sentiasa merasa tenang dan harmoni setiap kali berada perpustakaan", ujar Pengurus 5S.

Meskipun sibuk dengan tugas masing-masing, namun ia tidak menjadi penghalang buat staf perpustakaan untuk melaksanakan aktiviti 5S secara konsisten.

Malah, peluang menyertai Pertandingan 5S Antara Bahagian anjuran Unit Kualiti UiTMT telah dijadikan sebagai satu kelebihan untuk memastikan Perpustakaan

Cendekiawan tampil begitu istimewa sekali.

Hasilnya, pada 30 Disember 2007 bersempena dengan Hari Kualiti peringkat UiTMT, Bahagian Perpustakaan telah memenangi 3 anugerah, menerusi Meja Terbaik, Susunatur Terbaik serta Keseluruhan 5S & Pejabat Terbaik.

Kemenangan ini juga telah memberi impak kepada semua staf perpustakaan untuk mempertahankan anugerah yang dimenangi pada tahun hadapan dengan penuh bersemangat dan cemerlang sepanjang masa.

"The more that you read, the more things you will know."


"The more that you learn, the more places you'll go."

-Dr. Seuss-


STAF BARU




Nurul Aida Noor Azizi
Pustakawan
Mula Bertugas : 16/08/2007



Ahmad Faiz Mohd Lazim
Juruteknik Komputer
Mula Bertugas : 01/11/2007



Faizulkarnain Mamat
Pembantu Perpustakaan
Mula Bertugas : 01/11/2007



Zainal Abidin Abd. Aziz
Pembantu Perpustakaan
Mula Bertugas : 01/11/2007



Mohd Hilmu Sharin Mohd Kamal
Pembantu Perpustakaan
Mula Bertugas : 01/11/2007

KENAIKAN PANGKAT

En. Abdul Halim Bin Abdullah

Jawatan : Pembantu Perpustakaan

Catatan:PembantuPerpustakaanKananmulai

01 November 2007



Rohaida Yusof
Pembantu Perpustakaan
Mula Bertugas : 01/11/2007



Erra Shakira Ahmad
Pembantu Tadbir Rendah
Mula Bertugas : 16/12/2007

PENGALAMANKU DALAM SEBUAH GUA

Dulu.....

Seringkali ku dengar rintihan luaran berbisik
Hei! Apa 'class' duduk dalam perpustakaan
Macam duduk di dalam gua....ku dengar, dengar dan dengar
Hingga sesekali takut untuk menyahut panggilan temuduga
yang ditawarkan...

Tapi entah kenapa yang aku takutkan, itulah semakin dekat
datang pada akalku....

Sering kali ia bermain dibenakku...bak terdengar suara
memujuk rayu agar sabar menunggu dan satu hari, aku
pasti diterima sebagai Pembantu Perpustakaan di UiTM
Terengganu.

Sudah berbulan-bulan aku menunggu keputusan ini, akhirnya
tarikh keramat menjelma 20 Oktober 2007 keputusan ber-
pihak pada aku....

Aku ternyata gembira namun jauh di sudut hati terasa ge-
lisah, masakan tidak, masih terngiang-giang suara sumbang
di kiri kanan depan dan belakangku perkataan "gua".

Namun bukannya mudah bagi setiap yang bergelar insan
mendapat rezeki sebegini. Dunia globalisasi, penuh persain-
gan dan cabaran dalam mencari ruang pekerjaan....

Hari ini....aku putuskan untuk meneruskan hidup dengan
menerima jawatan Pembantu Perpustakaan di Perpustakaan
Cendekian UiTM Terengganu...

Waktu pertama kali melangkah ke perpustakaan, apa yang
aku dapat rasakan satu perasaan kecintaan timbul dalam
diri ini tanpa ada sebarang paksaan. Apa tidaknya semua
rakan-rakan datang membantu dan memberi tunjuk ajar
tak kira pegawai mahupun staf sokongan...aku semakin
tekun bekerja sehingga tak lupa akan perkataan "gua"
yang pernah mengusik jiwa seketika dulu yang hampir mele-
maskan prinsipku.

Esok dan hari yang mendatang, kuharap teman-teman yang
dikasih, yang sedang membaca nukilan ini, agar jangan
sekadar mendengar khabar dan terus mempercayainya tan-
pa usul.

Kini Aku bahagia disampingmu wahai gua.....aku ingin terus
bersamamu sehingga akhir nyawaku dengan izinNya.....

Mok mung 3/12/2007

PENGANTIN BARU



Nama : En. Yusof Abdullah
Jawatan : Pembantu Am Pejabat
Nama Pasangan : Zamani bt. Mamat
Tarikh Perkahwinan : 16/10/2007



Nama : Zakiah bt. Baharu
Jawatan : Pembantu Perpustakaan
Nama Pasangan : Faizul Rizal
Mohd Tazuddin
Tarikh Perkahwinan : 17/11/2007